

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Zulkifli Bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah boleh atas budi bicara membenarkan bas ekspres menurunkan pelajar-pelajar IPT berdekatan dengan IPT mereka atas faktor keselamatan dan penjimatan kos para pelajar terutamanya pada waktu malam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengeluarkan kelulusan khas bertempoh untuk bas ekspres menurunkan pelajar IPT terus ke dalam kampus pada waktu-waktu tertentu di mana perkhidmatan pengangkutan batuan akhir (*last mile*) seperti bas berhenti-henti, taksi dan e-hailing sukar diperolehi pada waktu tersebut terutama pada waktu lewat malam.
2. Pengendali-pengendali bas ekspres perlu membuat permohonan dengan APAD bagi mendapatkan surat kelulusan tersebut dan Kementerian Pengangkutan juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan fasiliti yang selamat disediakan di dalam kampus-kampus yang terlibat bagi memastikan bas dapat masuk dan menurunkan penumpang di lokasi yang selamat.
3. Sukacita dinyatakan bahawa Kementerian Pengangkutan melalui APAD akan sentiasa menambah baik jaringan pengangkutan untuk kesinambungan perkhidmatan bas ekspres yang merupakan perkhidmatan jarak jauh daripada satu terminal ke satu terminal dengan perkhidmatan *last mile* yang diyakini dan selamat.

Sekian, terima kasih.